



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**7 SEPTEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **2,107 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **163,372 kes**. Sebanyak 45 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu 17 kes di Tawau, Kota Kinabalu dan Sandakan lima (5) kes, Papar dan Penampang empat (4) kes, dua (2) kes di Tuaran, Beluran, dan Keningau manakala Kalabakan, Kinabatangan, Beaufort dan Ranau masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 1,590 menjadikan jumlah kumulatif 132,408 orang. Seramai 4,904 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,756 orang di hospital, 3,057 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 82 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala sembilan (9) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 199 orang merangkumi 126 di ICU/*repurposed kritikal care* serta 73 di open ward (HDW/*kubikel akut*) dan 80 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah naik semula melepasi angka (2,000) kes kepada (2,107) kes iaitu peningkatan (+263) kes setelah turun 3 hari berturut-turut. Walaupun kes di Kota Kinabalu turun (-61) kes tetapi kes di kawasan perbandaran lain seperti Sandakan, Penampang dan Keningau naik. Beberapa daerah lain juga mencatat pertambahan kes seperti Kinabatangan yang mencatat peningkatan (+47) kes baharu.
- b. Daripada (2,107) kes hari ini, 37.4% atau (788) kes adalah lewat daftar antara 2 hingga 3 hari selepas tarikh keluar keputusan, 6.1% atau (128) kes adalah lewat daftar antara 4 hingga 5 hari dan 8.2% atau (172) kes adalah lewat daftar melebihi 5 hari.
- c. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama kepada kes harian dengan (1,141) kes atau 54.2% daripada (2,107) kes hari ini, (740) kes atau 35.1% daripada Saringan Bergejala iaitu peratusan yang agak tinggi berbanding semalam, dan (36) kes atau 1.7% daripada Saringan Kluster.
- d. Di Kota Kinabalu, 40.1% daripada kes daerah tersebut hari ini berpunca daripada Saringan Bergejala, Sandakan 41.2%, Tawau 41.4% dan Penampang 52.7%.
- e. Daripada (2,107) kes yang dicatat hari ini, (628) kes atau 29.8% adalah dalam Kategori 1, (1,322) kes atau 62.7% dalam Kategori 2, (18) kes dalam Kategori 3, enam (6) kes dalam Kategori 4 dan enam (6) dalam kategori 5.
- f. Setakat 06 September 2021 berdasarkan statistik CITF Negeri Sabah (dengan mengambilkira jumlah penduduk dewasa layak divaksin seramai 2,758,400 orang), seramai 1,287,612 atau 46.68% penduduk dewasa negeri Sabah telah pun memperolehi vaksin lengkap dan 1,777,344 atau 64.43% telah memperolehi satu dos.

g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,141) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	36	1.70%
2	Bergejala	740	35.10%
3	Kontak	1,141	54.20%
4	Bersasar	12	0.60%
5	Lain-lain	178	8.40%
<b>JUMLAH</b>		<b>2,107</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (06 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 06/09/2021</b>	<b>Catatan Kes 07/09/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Sandakan	234	308	+74
2	Keningau	69	123	+54
3	Penampang	116	167	+51
4	Kinabatangan	15	62	+47
5	Putatan	45	80	+35
6	Telupid	67	93	+26
7	Beaufort	16	39	+23
8	Kota Belud	56	75	+19
9	Ranau	41	59	+18
10	Lahad Datu	70	84	+14
11	Kalabakan	8	22	+14
12	Tawau	115	128	+13
13	Kunak	16	28	+12
14	Pitas	12	22	+10
15	Nabawan	36	45	+9
16	Semporna	10	18	+8
17	Papar	88	95	+7
18	Kudat	35	42	+7
19	Tenom	29	31	+2
20	Tongod	16	16	Kekal
21	Tuaran	234	148	-86
22	Kota Kinabalu	343	282	-61
23	Kota Marudu	94	75	-19
24	Kuala Penyu	9	0	-9
25	Tambunan	22	20	-2
26	Beluran	32	30	-2
27	Sipitang	16	15	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>1,844</b>	<b>2,107</b>	<b>+263</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (24 Ogos – 06 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Sandakan	6	95	127	0	80	308	3,978
Kota Kinabalu	9	150	113	0	10	282	6,927
Penampang	0	74	88	0	5	167	3,307
Tuaran	0	108	33	0	7	148	2,963
Tawau	0	62	53	0	13	128	2,285
Keningau	5	75	25	12	6	123	1,412
Papar	0	41	53	0	1	95	2,377
Telupid	0	93	0	0	0	93	761
Lahad Datu	0	33	44	0	7	84	1,285
Putatan	0	43	34	0	3	80	1,057
Kota Marudu	0	50	19	0	6	75	1,115
Kota Belud	0	53	19	0	3	75	1,179
Kinabatangan	1	56	4	0	1	62	1,009
Ranau	0	47	3	0	9	59	716
Nabawan	15	19	5	0	6	45	457
Kudat	0	29	7	0	6	42	570
Beaufort	0	25	14	0	0	39	460
Tenom	0	16	15	0	0	31	592
Beluran	0	22	8	0	0	30	395
Kunak	0	17	9	0	2	28	306
Pitas	0	12	9	0	1	22	577
Kalabakan	0	1	21	0	0	22	303
Tambunan	0	14	6	0	0	20	180
Semporna	0	0	7	0	11	18	134
Tongod	0	2	14	0	0	16	375
Sipitang	0	4	10	0	1	15	388
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	105
<b>JUMLAH</b>	<b>36</b>	<b>1,141</b>	<b>740</b>	<b>12</b>	<b>178</b>	<b>2,107</b>	<b>35,213</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Jalan Pahlawan	9
Keningau	Kluster Pagar Sebrang	5
Nabawan	Kluster Lima	4
	Kluster Sawit Simpang Batu 38	11
Sandakan	Kluster Lebu Empat	6
Kinabatangan	Kluster Sawit Kinabatangan 2	1
<b>JUMLAH</b>		<b>36</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 7,420 unit

- Hospital 1,840 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,908 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 65.97%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 07 SEPTEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,093
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	6
Orang Dalam Tahanan /Banduan	8
<b>Jumlah</b>	<b>2,107</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	3
Selangor	3
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,857
Bukan Malaysia	250
<b>Jumlah</b>	<b>2,107</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	548
Belum Menerima Vaksin	615
Menerima 1 Dos	258
Lengkap 2 Dos	686
<b>Jumlah</b>	<b>2,107</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	20
1 to 5	151
6 to 17	377
18 to 59	1,337
>60	222
<b>Jumlah</b>	<b>2,107</b>



**C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 07 September 2021)</b>
1	Tawau	11
2	Ranau	9
3	Kota Kinabalu	6
4	Tuaran	6
5	Papar	4
6	Penampang	4
7	Putatan	4
8	Telupid	4
9	Kota Belud	3
10	Kudat	3
11	Keningau	3
12	Beaufort	2
13	Kota Marudu	2
14	Kinabatangan	1
15	Tongod	1
<b>JUMLAH</b>		<b>77</b>

## D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Sugiang Baru, Tenom	9 September 2021	22 September 2021
2.	Kampung Rapak, Ranau	9 September 2021	22 September 2021

## E PELANJUTAN PKPD

Berdasarkan analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta *trend* jangkitan COVID-19, beberapa PKPD yang akan dilanjutkan seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Kampung Rampayan Laut, Kota Belud	8 September 2021	Dilanjutkan dari 9 September 2021 sehingga 22 September 2021

## F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Dua (2) lokaliti di Kota Kinabalu <ul style="list-style-type: none"><li>Kampung Gudon, Menggatal</li><li>Kampung Lobou</li></ul>	12 Ogos 2021	Ditamatkan pada 8 September 2021 seperti yang dijadualkan

2.	Kampung Tengah, Kinarut, Papar	12 Ogos 2021	Ditamatkan pada 8 September 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Kampung Timbua-Kembiroi-Lobou Baru, Ranau	12 Ogos 2021	Ditamatkan pada 8 September 2021 seperti yang dijadualkan
4.	Dua (2) lokaliti di Tawau <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Sentosa Blok 4</li> <li>• Batu 2, Lorong Saddani</li> </ul>	26 Ogos 2021	Ditamatkan pada 8 September 2021 seperti yang dijadualkan
5.	Kuaters Kilang Mee Tien Hock, Penampang	26 Ogos 2021	Ditamatkan pada 8 September 2021 seperti yang dijadualkan
6.	Taman Sri Panglima, Beaufort	26 Ogos 2021	Ditamatkan pada 8 September 2021 seperti yang dijadualkan
7.	Enam (6) lokaliti di Tuaran <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Betutai</li> <li>• Kampung Bontoi</li> <li>• Kampung Kindu</li> <li>• Taman Sri Rugading</li> <li>• Taman Telipok Ria</li> <li>• Kampung Serusop</li> </ul>	30 Julai 2021	Ditamatkan pada 8 September 2021 lebih awal dari yang dijadualkan (9 September 2021)
8.	Kampung Brunei, Membakut, Beaufort	15 Ogos 2021	Ditamatkan pada 8 September 2021 lebih awal dari yang dijadualkan (11 September 2021)
9.	Taman Puri Warisan, Kota Kinabalu	14 Ogos 2021	Ditamatkan pada 8 September 2021 lebih awal dari yang dijadualkan (10 September 2021)

## **G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **11,591** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,658,915 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **25,893** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,171,815 orang.
- 5 Pada hari ini sebanyak 989 orang telah menerima vaksin dos tunggal Cansino menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 51,265 orang.
- 6 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 6,737 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,649,990 (Mysejahtera 1,570,281 : Laman Web 79,368 : Talian Vaksinasi 341) bersamaan 59.8%.

## **H BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **545,070** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 135 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 32,351 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 160 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 58 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

- 2        Sebanyak 17 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- 10 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
  - Satu (1) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - Dua (2) Orang : Individu gagal Memastikan Penjarakan Fizikal
  - Dua (2) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - Satu (1) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
  - Satu (1) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 3        Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 89 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 23 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4        Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i        Sebanyak 1,117 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak empat (4) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu tiga (3) di daerah Lahad Datu dan satu (1) di daerah Kinabatangan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
  - ii      Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 329 premis perniagaan dan 440 individu di 18 kawasan. Lima belas (15) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di 7 Eleven, Terminal Inanam (1 Orang), My Top Mini Mart (1 Orang), The Royal Coconut (1 Orang), Power Best Electric (Sabah) Sdn. Bhd. (1 Orang), Vape Station, Inanam (1 Orang), Pacific Transmission Sdn. Bhd., Inanam (2 Orang), Kedai Nori San Seng Kee, Inanam (1 Orang), Living Streams Resources Enterprise, Damai (1 Orang), Fu Moon Salon Bornion (2 Orang), Honest Grain FLT, Foh Sang (1 Orang), Sup Ikan Terminal (1 Orang) dan GMS Industrial Sdn. Bhd. (1 Orang). Kesalahan tidak memakai pelitup muka / tidak memakai pelitup muka dengan betul di Meeran Mini Mart, Bornion Centre (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 272 Premis Perniagaan melibatkan 172 anggota APM. Terdapat tiga (3) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 157 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 23 premis, melibatkan 14 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 276 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 15 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 195 hebahan di seluruh Sabah.

**J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kota Belud	96.5%
2	Tuaran	96%
3	Sipitang	96%
4	Lahad Datu	96%
5	Beaufort	96%
6	Kota Marudu	96%
7	Penampang	96%
8	Papar	96%
9	Keningau	96%
10	Sandakan	96%
11	Tenom	95.5%
12	Ranau	95.5%
13	Kunak	95.5%
14	Kinabatangan	95.5%
15	Beluran	95.5%
16	Kota Kinabalu	95
17	Kudat	95%
18	Semporna	95%
19	Tawau	95%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**